

Istiqamah lakukan kebajikan

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan Sesungguhnya di antara ahli kitab, ada orang yang beriman kepada Allah dan (kepada) apa yang diturunkan kepada kamu (al-Quran) dan juga (kepada) apa yang diturunkan kepada mereka, sedang mereka khushuk kepada Allah dengan tidak menukarkan ayat-ayat Allah untuk mengambil keuntungan dunia yang sedikit. Mereka itu beroleh pahalanya di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya. Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebaikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).* (ali-'Imran: 199-200)

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

iii. Ayat ini diturunkan kepada Abdullah bin Salam dan rakan-rakannya. Inilah pendapat Ibn Juraiz, Ibn Zaid dan Muqatil.
iv. Diturunkan kepada 40 orang ahli Najran, 30 orang Habsyah, lapan orang Rom yang mereka beriman atas agama Isa dan kemudian beriman dengan Nabi SAW. Inilah pendapat Ata'.

Iktibar dan fiqh ayat:

i. Sheikh Muhammad Abu Zahrah berkata: Allah menerangkan daripada nas ini pintu rahmat yang terbuka untuk mereka dengan menyebut penegasan sesungguhnya dan dikuatkan lagi sumpah selepas daripada ayat tersebut. Ini kerana mereka yang beriman dan mendapat hidayat mempunyai lima sifat:

Pertama: Mereka beriman dengan sedalam-dalam dan seikhlasnya. Iman mereka menghilangkan ego dan kesombongan untuk mencari Tuhan yang sebenarnya.

Kedua: Mereka beriman dengan apa yang diturunkan kepada Nabi SAW dan mengetahui bahawa ia adalah Nabi yang terakhir.

Ketiga: Mereka beriman dengan hakikat apa yang diturunkan kepada mereka dan mengetahui pemimpin mereka telah mengubah dan meminda kalam Allah.

Keempat: Khushuk dan takut kepada Allah SWT.

Kelima: Mereka tidak terkesan sesuatupun daripada dunia untuk menggadai atas ayat Allah yang menjadi tanda dan bukti.

ii. Al-Maraghi berkata, Allah SWT menjelaskan mengenai sifat-sifat mereka yang sepatutnya mendapat kemuliaan dan kehormatan:

- Mereka beriman kepada Allah SWT dengan iman yang sebenar-benarnya tanpa dipengaruhi unsur kesyirikan.
- Mereka mempercayai kitab suci yang diturunkan kepada umat Islam, iaitu apa yang diwahyukan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW.
- Mereka beriman dengan kitab suci yang diturunkan kepada mereka, iaitu segala wahyu yang diberi oleh Allah SWT kepada nabi mereka.
- Khushuk. Terhasil melalui keimanan yang benar dan rasa takut kepada Allah SWT melahirkan perasaan yang nyata taat kepada perintah Allah dan Rasul-Nya.
- Mereka tidak menukar ayat-ayat Allah dengan kesenangan dunia.

iii. Muhammad Quraish Shihab berkata: Difahami oleh ulama dalam erti kesempurnaan ilmu-Nya, dan ada juga yang memahaminya dalam erti kata dekatnya waktu perolehan ganjaran itu.

iv. Al-Sonhaji berkata: Ayat ini menerangkan tentang sekumpulan ahli kitab yang telah tunduk mengikut petunjuk al-Quran padahal sebelumnya



UMAT Islam perlu istiqamah dalam mengerjakan amal kebajikan.

- Gambar hiasan

mereka tunduk mengikut petunjuk yang di bawa oleh Nabi mereka.

Ayat ke-200

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebaikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).*

Sebab nuzul ayat
Abu Salamah bin Abdul Rahman berkata: Ayat ini diturunkan kepada golongan yang menanti solat selepas selesai solat dan bukan bermaksud peperangan.

Iktibar dan fiqh ayat:

Maksud mereka yang diperintah dengan sabar ada lima pendapat:

Pertama: Bala dan jihad. Inilah pendapat Ibn Abbas r.a.

Kedua: Agama. Inilah pendapat al-Hassan, al-Qurazi dan al-Zajjaj.

Ketiga: Segala musibah. Inilah pendapat al-Hassan juga.

Keempat: Segala fardu. Inilah pendapat Said bin Jubair.

Kelima: Taat kepada Allah SWT. Inilah pendapat Qatadah.

Adapun maksud dengan diperintahkan supaya menyabarkan diri ada dua pendapat:

Pertama: Musuh. Inilah pendapat Ibn Abbas r.a dan Jumhur.

Kedua: Janji yang Allah SWT janjikan kepada mereka. Inilah pendapat Ata' dan al-Qurazi.

ii. Al-Maraghi berkata: Bersabarlah kamu menghadapi segala penderitaan dan kesulitan dunia seperti sakit, ditimpa kemelaratan dan ketakutan. Sabar bermaksud tabah menghadapi sesuatu yang tidak berkenaan di hati yang datang daripada orang lain termasuk dalam pengertian ini ialah tabah menghadapi gangguan daripada ahli keluarga dan jiran tetangga serta tidak bersikap dendam terhadap orang yang berbuat tidak baik kepadamu.

iii. Muhammad Quraish Shihab berkata: Bermacam-macam sabar yang dituntut dari manusia, antaranya:

- Bersabar menghadapi perbezaan pendapat atau keimanan.
- Bersabar memelihara persatuan dan kesatuan.
- Bersabar dalam mengerjakan solat dan berdoa.
- Bersabar dalam pelbagai musibah.

iv. Al-Sonhaji berkata: Allah SWT menyeru orang-orang mukmin supaya bersabar di dalam sebarang usaha yang membawa kepada mentaati Allah dan melaksanakan kewajibannya.

Semoga Allah SWT memberi taufik kepada kita untuk mengerjakan amalan yang diredai-Nya sehingga kita mampu memperoleh kebahagiaan di dunia serta di akhirat dan berkata kemurahan-Nya, kebaikan-Nya, kurniaan-Nya dan dermawan-Nya.

Semoga ucapan salam sejahtera selalu diberikan kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda dan semua para sahabat baginda.

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

AL-MARAGHI berkata: Dalam ayat ini, Allah SWT menyebut perkara-perkara yang memberi hiburan kepada mereka dan membuat hati mereka bersabar pada saat menghadapi kesengsaraan tersebut.

Di samping itu, Allah SWT menjelaskan betapa kecilnya kesenangan yang diberikan kepada orang kafir di dunia ini serta amat sedikit sekali lagi fana.

Oleh itu, orang yang mempunyai akal yang sihat tidak sepatutnya membandingkan apa yang ada di dunia ini dengan kenikmatan yang abadi di akhirat.

Ayat ke-199

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan Sesungguhnya di antara ahli kitab, ada orang yang beriman kepada Allah dan (kepada) apa yang diturunkan kepada kamu (al-Quran) dan juga (kepada) apa yang diturunkan kepada mereka, sedang mereka khushuk kepada Allah dengan tidak menukarkan ayat-ayat Allah untuk mengambil keuntungan dunia yang sedikit. Mereka itu beroleh pahalanya di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya.*

Sebab nuzul ayat

Ibn al-Jauzi menyebut empat pendapat:

i. Ia diturunkan kepada raja Najashi kerana apabila dia mangkat, Rasulullah SAW solat ke atasnya. Lantas ada yang berkata: Dia solat ke atas orang Kristian sedangkan dia berada di negerinya. Maka turunlah ayat ini seperti yang dinyatakan oleh Jabir bin Abdullah, Ibn Abbas, Anas dan al-Hasan.

ii. Diturunkan kepada orang yang beriman di kalangan ahli kitab daripada Yahudi dan Nasara. Makna ini diriwayatkan oleh Abu Soleh daripada Ibn Abbas dan inilah pendapat Mujahid.